

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN SUKANeka HARI KELUARGA KEBANGSAAN 1991
Lokasi : TAMAN TASIK PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 16-11-1991

Bismillahir Rahamanir Rahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya kita semua dapat berkumpul di sini pada pagi ini untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam acara sukaneka bagi menyambut Hari Keluarga Kebangsaan 1991.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sukaneka adalah acara yang menarik dan menghiburkan.

Di samping memberi faedah daripada segi kesihatan ianya juga menggembirakan para peserta yang mengambil bahagian.

Sebagai aktiviti sukan, ianya ditujukan kepada peserta amatir daripada segenap lapisan umur. Acaranya pula adalah ringan dan diadakan dengan aktiviti yang melucukan bagi menarik minat para peserta. Kata-kata pujangga arab 'Akal Yang Sihat Datangnya Dari Badan Yang Sihat' adalah kata hikmah yang paling tepat tentang pentingnya kesihatan dijaga. Bersenam dan bersukan secara konsisten akan menguatkan otot-otot dan meningkatkan keupayaan jantung dan paru-paru membekalkan oksigen ke segenap tisu. Aktiviti sukan juga boleh mengurangkan tekanan darah. Ianya dapat membakar lemak-lemak yang bersarang di dalam saluran darah (Arteriosclerosis), di bawah lapisan kulit dan lain-lain. Ini menjadikan pengaliran darah lebih sempurna. Walaupun Allah Subhanahu wa Ta'ala yang menentukan ajal seseorang tetapi kita diberi peluang beikhtiar. Oleh itu sukan adalah satu ikhtiar untuk memanjangkan umur kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Pemilihan sukaneka sebagai salah satu acara sambutan Hari Keluarga Kebangsaan adalah dialukan-alukan. Sukaneka juga menghimpunkan ahli-ahli keluarga yang terlibat di dalam sambutan ini. Ini bererti sukaneka yang tuan-tuan dan puan-puan adakan ini menggalakkan hubungan silatullahim di kalangan ahli keluarga yang terlibat. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan semua adalah dari kementerian dan agensi-agensi yang berlainan. Oleh itu kesempatan ini memanglah baik, bagi merapatkan hubungan kita, di samping dapat faham memahami di antara satu sama lain. Inilah matlamat kita semua. Aktiviti seperti ini pada amnya bermatlamatkan perpaduan negara. Pihak Kerajaan berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat, lebih-lebih lagi di Malaysia ini di mana rakyatnya berbilang bangsa.

Kita sering terbaca dan melihat berita serta peristiwa di negara-negara yang tidak dapat mengekalkan perpaduan.

Akibatnya porak peranda, rakyatnya menderita. Oleh itu marilah kita sama-sama menjaga perpaduan negara kerana dengan perpaduanlah negara ini dapat bergerak maju tanpa gangguan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Kalau kita lihat di negara Jepun, mereka sememangnya selalu mengadakan perhimpunan-perhimpunan seperti ini bagi mengeratkan hubungan di kalangan mereka. Pihak pekerja dan pihak majikan menganggap diri mereka sebagai satu keluarga.

Keharmonian tempat mereka bekerja, bermakna harmoninya hidup mereka sekeluarga. Itulah salah satu faktor kemajuan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua lapisan rakyat Malaysia supaya sentiasa memupuk silaturahmi. Wujudkanlah perpaduan, jagalah kebajikan dan kebahagiaan keluarga kita semua. Anggapkanlah ianya priority yang utama, majunya Malaysia bergantung kepada keutuhan keluarga.

6. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim saya dengan sukacitanya merasmikan sukaneka keluarga ini.

Sekian, wabillahi taufik, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.